

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 151

Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta bayaran yang sudah dijelaskan oleh Kerajaan bagi tempoh 2018-2019 .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima BSH bagi tahun 2019 adalah sebanyak hampir 3.6 juta isi rumah dan melibatkan anggaran siling peruntukan sebanyak RM5.0 bilion. Walau bagaimanapun, bilangan penerima BSH 2019 dijangka meningkat memandangkan proses rayuan akan dibuka mulai 1 Julai 2019 sehingga 15 Ogos 2019. Dengan adanya proses rayuan ini, sebahagian daripada yang tidak layak masih diberi ruang untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen yang berkaitan untuk diverifikasi semula oleh LHDNM.

Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah penerima BSH, khususnya jika terdapat kesulitan dalam pemberian BSH 2019. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.